

**SULIT**

---



**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2018/2019**

Jun 2019

**HSA505 – Sejarah Asia: Intelektual dan Arus Perubahan**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja daripada setiap Bahagian (Bahagian A, B dan C). Jika calon menjawab lebih daripada **TIGA (3)** soalan, hanya **TIGA (3)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

- 2 -

**Bahagian A**

1. Golongan pembaharu politik dan golongan revolusioner di China merupakan dua kumpulan politik yang memainkan peranan penting sebelum dan semasa Revolusi 1911. Namun, cara dan reaksi kedua-dua kumpulan menghadapi keadaan dan perubahan dalam tempoh tersebut berbeza. Dengan merujuk kepada latar belakang, pemikiran, matlamat dan pendekatan politik mereka, analisiskan secara kritis persamaan dan kelainan di antara dua kumpulan tersebut.

[100 markah]

2. "Chiang Kai-shek dan Mao Zedong merupakan diktator yang memberi layanan buruk terhadap golongan terpelajar China sepanjang pemerintahan mereka. Golongan terpelajar tersebut dilihat tidak berguna dan golongan ini juga membenci kedua-dua pemimpin itu." Bahaskan dengan merujuk kepada tempoh dari awal kurun ke-20 hingga tahun 1976.

[100 markah]

**Bahagian B**

3. Bincangkan pemikiran Fukuzawa Yukichi terhadap tamadun Barat. Sejauh manakah beliau berjaya memperkenalkan tamadun ini pada zaman Meiji?

[100 markah]

4. Dengan merujuk kepada tokoh-tokoh tertentu dari Asia Tenggara, bincangkan sikap serta pandangan mereka terhadap gagasan Linkungan Sekemakmoran Asia Timur Raya sebelum Ogos 1945.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian C

5. Berdasarkan karya *Arabic Thought In The Liberal Age, 1798-1939* tulisan Albert Hourani (2009), analisiskan fasa-fasa penting perkembangan pesat nasionalisme Arab bermula dari era Rifa'a Badawi Rafi' Al-Tahtawi di Mesir pada tahun 1870 sehingga era Muhamad Rashid Rida selepas tahun 1897.

[100 markah]

6. Perincikan perbezaan aliran falsafah politik Zionisme dan nilaikan peranan golongan intelektual Yahudi seperti Moses Hess dan Judah L. Pinsker dalam mencetuskan idea penubuhan Israel sejak tahun 1860-an.

[100 markah]

- oooOooo -